



## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
12 Jun 2023

### **SEBUAH PERODUA ALZA 1.5 AV DAN TIGA MOTORSIKAL YAMAHA Y15ZR DIMENANGI PEMENANG KEMPEN JOM AUTO LABUR** *Auto Labur Terus Menerima Sambutan dengan Catatan lebih 6,300 transaksi*

**KUALA LUMPUR, 12 Jun 2023** - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), baru-baru ini telah meraikan para pemenang utama Kempen Jom Auto Labur tahun lalu yang bermula pada Oktober hingga Disember 2022. Kempen kali kelima ini menyediakan hadiah keseluruhan bernilai **RM255,000** kepada 719 orang pemenang.

Para pemenang hadiah utama yang dirai adalah terdiri daripada:-

Hadiah dimenangi	Nama Pemenang
Tempat pertama - sebuah Perodua Alza 1.5 AV	Farisha Fran Anak Patrick
Tiga pemenang di tempat kedua - sebuah Yamaha Y15ZR	1. Fanny Eva Anak Batang 2. Azuwiza Binti Darus 3. Nor Famiza Amielia Binti Shuhaimi
Lima pemenang di tempat ketiga - sebuah Apple iPhone 14 128GB	1. Nur Kamilah Binti Mazlan 2. Nurulhuda Binti Mahat 3. Jumiah Binti Katiman 4. Mohamad Razaleigh Bin Zulkifli 5. Nur Insyirah Binti Zulkhaire

Di samping itu, ASNB turut mengumumkan seramai 10 pemenang hadiah saguhati berupa Apple iPad 64GB (WiFi+Cellular) setiap seorang, 450 hadiah bulanan yang terdiri daripada unit-unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) bernilai RM100 setiap seorang, 150 hadiah bonus iaitu unit-unit ASB bernilai RM300 setiap seorang, dan 100 hadiah khas sempena Pengajuran Minggu

Saham Amanah Malaysia 2022 yang lalu.

Menurut Muzaffar Othman, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, “Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pemenang-pemenang yang telah menyertai Kempen Jom Auto Labur. Saya percaya, kami telah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pelaburan dan perancangan kewangan. Ini dapat dilihat menerusi penyertaan positif dalam Auto Labur yang mencatatkan sejumlah RM292.00 juta sejak dilancarkan empat tahun lalu. Kempen Jom Auto Labur kali kelima ini telah mencatatkan sebanyak 6,348 transaksi dengan potongan berjumlah RM2.6 juta.”

Menurut Muzzaffar lagi, “Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan peningkatan had pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dari RM200,000 dinaikkan ke RM300,000. Saya ingin menyeru agar para pemegang unit menggunakan peluang ini demi manfaat diri sendiri dan keluarga.”

Pemenang hadiah utama, Farisha Fran Anak Patrick, yang berasal dari Sibu, Sarawak berkata “Pemotongan minima Auto Labur sebanyak RM50 adalah mengikut kemampuan saya dan telah mendorong saya untuk berdaftar. Pada masa yang sama, saya juga rasa selesa untuk melabur di ASB”.

Seorang lagi pemenang di tempat kedua, Fanny Eva Anak Batang, yang berasal dari Lubok Antu, Sarawak berkata “Kemudahan Auto Labur iaitu potongan gaji secara auto-debit setiap bulan memudahkan urusan saya dan saya tidak perlu risau mengenai pelaburan kerana pelaburan saya di ASNB adalah selamat untuk jangka masa panjang”.

Kemudahan Auto Labur di platform myASNB memanfaatkan perkhidmatan Direct Debit untuk memudahkan pelabur membuat pelaburan berkala secara automatik untuk akaun unit amanah mereka sendiri, akaun minor (Akaun Bijak/Remaja) dan pihak ketiga yang layak. Diperkenalkan buat pertama kali pada tahun 2019, Auto Labur membantu para pelabur melabur secara konsisten mengikut kemampuan kewangan masing-masing melalui potongan terus daripada akaun bank pelabur tanpa sebarang caj.

Maklumat lanjut berkenaan Kempen Jom Auto Labur, boleh didapati di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) dan di laman sosial media rasmi ASNB.

*.-Tamat-*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 275 bilion dan lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**